

Konsep Latar Set Dalam Filem Animasi Upin & Ipin Keris Siamang Tunggal: Satu Analisis Interpretasi Komposisi

ABSTRACT

Konsep seni yang berkualiti tinggi serta penceritaan yang menarik perhatian penonton telah berjaya membawa filem animasi Upin & Ipin: Keris Siamang Tunggal oleh Les' Copaque yang dikeluarkan pada tahun 2019, sekaligus disenaraikan dalam Anugerah Oscar. Walaupun tidak disenaraikan dalam pencalonan akhir, kejayaan ini telah mengharumkan nama negara diperingkat antarabangsa kerana ini membuktikan bahawa industri filem animasi negara mampu bersaing dengan negara lain. Namun begitu, idea dan imaginasi yang kreatif adalah penting bagi menghasilkan konsep seni yang berkualiti tetapi ramai artis konsep seni masih mengalami masalah dalam menjana idea. Oleh itu, objektif utama dalam penulisan bertujuan untuk menganalisis konsep latar set filem animasi Upin & Ipin: Keris Siamang Tunggal dengan menggunakan pendekatan interpretasi komposisi yang diperkenalkan oleh Rose (2016). Melalui pendekatan ini, konsep latar set diuraikan melalui elemen-elemen yang terdapat dalam interpretasi komposisi. Hasil kajian ini mendapati bahawa konsep latar set dalam filem animasi Upin & Ipin: Keris Siamang Tunggal banyak menggunakan ilustrasi konsep seni yang berinspirasikan elemen makanan tempatan. Diharapkan kajian ini dapat membantu artis konsep seni tempatan untuk menghasilkan konsep seni kerana kualiti filem animasi bermula daripada konsep seni yang baik.